

Bil. S 7

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH AKTA CUKAI PENDAPATAN (PETROLEUM) (PINDAAN), 2017

SUSUNAN BAB-BAB

Bab

1. Gelaran dan permulaan kuat kuasa
 2. Pindaan bab 3 dari Penggal 119
 3. Pindaan bab 5
-

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH AKTA CUKAI PENDAPATAN (PETROLEUM) (PINDAAN), 2017

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Perkara 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran dan permulaan kuat kuasa

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Akta Cukai Pendapatan (Petroleum) (Pindaan), 2017 dan hendaklah dianggap telah mula berjalan kuat kuasanya pada 1hb Januari 2012.

Pindaan bab 3 dari Penggal 119

2. Bab 3 dari Akta Cukai Pendapatan (Petroleum), dalam Perintah ini disebut sebagai Akta itu, adalah dipinda dengan menambah cerai baru yang berikut —

“(4) Pemungut boleh menentukan bentuk sebarang penyata, tuntutan, pernyataan atau notis yang akan dibuat atau diberikan di bawah Akta ini.”.

Pindaan bab 5

3. Bab 5 dari Akta itu adalah dipinda dengan memotong “, including the specifications of forms of returns, claims, statements and notices under this Act” dari dua baris akhir.

Diperbuat pada hari ini 4 haribulan Jamadilawal, Tahun Hijrah 1438 bersamaan dengan 1 haribulan Februari, 2017 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM